

28/10/1997

Mengekang spekulator kewangan

PADA mesyuarat tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF)-Bank Dunia di Hong Kong bulan lalu, Malaysia mengemukakan cadangan mewujudkan peraturan bertujuan melindungi pasaran kewangan daripada serangan manipulasi berlebihan sebagaimana yang sedang dihadapi rantau ini. Malaysia juga mencadangkan supaya bursa khas diwujudkan bagi kegiatan itu. Kita berpendapat penubuhan bursa itu amat penting kerana kaedah yang digunakan sekarang tidak telus sehingga membolehkan kegiatan berkenaan disalah guna untuk tujuan manipulasi dan spekulasi.

Kita bersyukur badan itu pada dasarnya menerima cadangan Malaysia untuk memperkenalkan peraturan berhemat bagi kegiatan lindung nilai pasaran kewangan. Bagi kita kepercayaan yang diberikan oleh IMF dan Bank Dunia itu umpama suntikan semangat baru kepada Malaysia dalam perjuangan memastikan perdagangan mata wang lebih telus dan tidak dimanipulasikan.

Walaupun cadangan itu mungkin dilihat oleh sesetengah pihak sebagai satu lagi usaha Malaysia melindungi kepentingan negara membangun dalam menghadapi arus globalisasi, kebelakangan ini ramai bersetuju peraturan seperti itu perlu dalam meningkatkan ketelusan kegiatan peserta pasaran kewangan. Ini termasuk soal pengedaran maklumat secukupnya bagi mengetahui aliran dana yang masuk, siapa yang terbabit dalam spekulasi mata wang dan juga mengenakan beberapa syarat atau peraturan berhemat. Sememangnya memperniagakan mata wang bukanlah satu aktiviti yang dianggap bermoral lebih-lebih lagi ia adalah tidak adil untuk mengambil kesempatan di atas kelemahan orang lain. Namun, jika sukar dinafikan keperluannya dalam ekonomi dunia yang semakin canggih ini, ia mestilah dibuat mengikut landasan jelas dan diterima mekanisme sebagai satu yang adil oleh masyarakat antarabangsa.

Kita bangga apa yang disuarakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semakin mendapat perhatian dunia. Selepas di Hong Kong, masalah pasaran kewangan itu dibawa pula di mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi (AEM) ke-29, baru-baru ini.

Ketua-Ketua Negara Komanwel kelmarin juga bersetuju mengkaji kedudukan pasaran mata wang dan mencari jalan melindungi negara yang tidak stabil akibat kegiatan spekulasi. Ini termasuk menilai keberkesanan sistem amaran awal sedia ada, dengan matlamat memperbaikinya. Persetujuan itu terkandung dalam Deklarasi Ekonomi Komanwel Edinburgh yang dikeluarkan selepas sesi eksekutif menamatkan perbincangan pada hari kedua persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM), kelmarin.

Kini dunia semakin prihatin betapa penting kekalutan yang berlaku dalam pasaran tukaran asing perlu ditangani secara serius. Selain IMF, CHOGM dan Asean, kita percaya blok mahupun kumpulan eksklusif ekonomi lain perlu menjadikan masalah ini satu daripada agenda penting dalam perbincangan mereka berhubung globalisasi perdagangan termasuk mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik yang akan berlangsung di Kanada bulan depan.

Alasan bahawa kegiatan urus niaga pasaran wang sudah dianggap sejenis perniagaan yang diterima masyarakat perniagaan, lantaran ia memang sukar dihapuskan sama sekali atau diubah, tidak boleh diterima lagi. Bagi kita sesuatu sistem usang itu masih boleh diterima jika disuntik dengan perubahan yang menguntungkan semua pihak. Dalam kata lain, tidak bermakna peraturan tertentu tidak boleh diperkenalkan bagi memperbaiki sistem berkenaan.

Kalangan negara yang pernah menerima kesan kejatuhan mata wang, pastinya

bersetuju jika peraturan baru ini diperkenalkan. Apakah gunanya untuk kita terus membiarkan jenis perniagaan yang penuh risiko dan boleh memudaratkan itu. Hari ini, kebanyakan negara terutama di Asia yang dilanda masalah penurunan nilai mata wang mula merasai kesannya. Walaupun apa yang berlaku ini mungkin mempunyai hikmah sehingga mendorong Malaysia bersuara lantang mengutuk perbuatan spekulator dan manipulator, kos terpaksa dibayar adalah terlalu tinggi.

Lihat saja apa yang berlaku di Taiwan dan Hong Kong. Kerakusan spekulator menenggelamkan segala-galanya yang dimiliki negara itu. Rizab tukaran asing AS\$100 bagi Taiwan dan AS\$85 bilion di Hong Kong juga gagal menangkis serangan mereka. Walaupun cadangan Malaysia sudah diterima dan mendapat perhatian masyarakat dunia tentu sukar untuk kita menyaksikan satu bentuk penyelesaian segera. Pasti pelbagai halangan akan wujud sama ada secara sengaja atau tidak disengajakan. Namun itu, kita tidak akan cepat berputus asa.

(END)